


BULETIN AL MANSOORAH

MATLAMAT BELAJAR

Pengetahuan adalah kunci untuk memahami agama, meningkatkan keimanan dan memperbaiki diri. Dengan demikian proses untuk mencari pengetahuan itu bukan semata-mata untuk menduduki peperiksaan sebaliknya ia adalah usaha berterusan yang mesti dilandaskan dengan niat ikhlas untuk mendekati diri kepada Allah SWT dan membawa manfaat kepada manusia. Dengan memahami dan mengamalkan nilai ilmu pengetahuan, maka barulah seseorang itu dapat menjadi insan yang berilmu, berkepakaran dan mampu membawa perubahan positif kepada masyarakat dan dunia secara keseluruhan. Atas sebab itu ulama menggalakkan umat Islam terus belajar dan meningkatkan ilmu pengetahuan sepanjang hayat.

BELAJAR ADALAH BEKERJA

Belajar sebagai satu usaha berterusan adalah menepati konsep bekerja untuk akhirat yang sangat penting dalam Islam yang ditegaskan dalam Al-Quran dan Hadith. Al-Quran mengajar umat Islam bahawa setiap amalan yang dilakukan sepatutnya dilakukan dengan niat ikhlas untuk mendapatkan keridaan Allah dan ganjaran terbaik di akhirat. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Katakanlah (wahai Muhammad) Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan Yang Satu; Oleh itu, sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal soleh dan janganlah ia mempersekutukan sesiapapun dalam ibadatnya kepada Tuhannya." (Surah Al-Kahfi, ayat 110)





KEGIGIHAN BELAJAR

Disusun oleh Dr Khairul Nizam bin Zainal Badri, PhD, FSASS, FMIOASD

Imam Al-Bukhari meriwayatkan dalam Sahihnya, Kitab Al-'Ilm, Bab Hifz Al-'Ilm Juz 1 Halaman 190, ia berkata: Abu Hurairah berkata, "Sesungguhnya saudara-saudara kami dari kalangan Muhajirin sibuk dengan perdagangan mereka di pasar. Sedangkan, saudara-saudara kami dari Ansar sibuk bekerja dengan harta mereka." Sementara, Abu Hurairah sendiri selalu menyertai Rasulullah SAW sebatas perutnya kenyang. Ia hadir di Majlis yang tidak mereka hadiri. Ia menghafal apa yang tidak mereka hafal. Syeikh Al-Islam Ibnu Hajar dalam Fath Al-Bari, 1/192 berkata, "Hadith ini membuktikan bahawa mengambil sedikit dari dunia itu lebih memungkinkan untuk menjaga ilmu".

Qadhi 'Iyadh menyatakan dalam kitab Tartib Al-Madaarik Juz 1, Halaman 130 bahawa Ibn Al-Qasim menuturkan: "Menuntut 'ilmu menyebabkan Imam Malik mencungkil atap rumahnya dan menjual kayunya, sehingga setelah itu dunia mendatanginya". Bahkan Imam Malik berkata, "Ilmu tidak akan diraih, sebelum dirasakan pahitnya kemiskinan". Al-Hafiz Ibn Abd Al-Barr meriwayatkan dalam kitab Al-Intiqah' fi Fadha'il Al-Thalathat Al-A'immat Al-Fuqaha', halaman 70: Imam Syafi'i berkata, "Aku tidak mempunyai harta. Aku menuntut ilmu dalam usia muda (usia 13 tahun). Aku pergi ke pejabat dan meminta kertas sisa untuk menulis". Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani pernah ditimpa kelaparan dan hampir mati karena kehabisan bekal dalam menuntut ilmu. Dia pun pernah pergi ke padang rumput dan mencari pucuk-pucuk daun tumbuhan untuk dimakan demi menyembuhkan rasa laparnya.

Imam Abu Abdillah Al-Bukhari berkata di dalam Sahihnya, kitab Al-'Ilm, Juz 1 Halaman 158, Bab Al-Khuruj fi Talab Al-'Ilm, "Jabir Ibn Abdillah melakukan perjalanan selama satu bulan untuk menemui Abdullah Ibn Unais, demi mendapatkan satu hadith". Seseorang yang telah lanjut usia menitipkan pertanyaan kepada murid Imam Ahmad bin Hanbal untuk diteruskan kepada sang guru, apakah masih perlu ia menuntut ilmu? Imam Ahmad menjawab, "Kalau ia masih hidup, maka pantas pula ia menuntut ilmu". Dalam kesempatan lain Imam Ahmad ditanya, "Sampai bilakah seseorang itu belajar?" Beliau menjawab, "Sampai kamu masuk kubur!"